

**PERJANJIAN CUTI BELAJAR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PERJANJIAN** ini adalah diperbuat pada .....

**DI ANTARA** ..... No. Kad Pengenalan .....

Yang beralamat di .....

(kemudian daripada ini disebut "**PEGAWAI**") sebagai pihak pertama;

**DENGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**, sebuah institusi pengajian tinggi awam di bawah Akta Universiti dan Universiti 1971, beralamat di Hang Tuah Jaya, 76100, Durian Tunggal, MELAKA. (kemudian daripada ini disebut "**UNIVERSITI**") sebagai pihak kedua;

**DAN**.....No.Kad Pengenalan.....

yang beralamat di .....

**(Penjamin I)** dan ..... No. Kad Pengenalan .....

yang beralamat di .....

**(Penjamin II)** (kemudian daripada ini disebut "**PENJAMIN-PENJAMIN**") sebagai pihak ketiga.

**BAHAWASANYA :**

- A. PEGAWAI** adalah seorang staf **UNIVERSITI** yang telah diluluskan cuti belajar atau melanjutkan pelajaran tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Kelulusan Cuti Belajar/Melanjutkan Pelajaran yang dilampirkan sebagai Jadual Pertama Perjanjian ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- B. PEGAWAI** ingin mengikuti dan telah memohon dan **UNIVERSITI** di atas permohonan tersebut telah meluluskannya untuk mengikuti satu kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan di mana butir-butir kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Perjanjian ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.
- C. PENJAMIN-PENJAMIN** telah bersetuju beresama dan berasingan untuk bertanggungjawab terhadap pelaksanaan segala terma-terma dan syarat-syarat oleh **PEGAWAI** yang terkandung dalam Perjanjian ini dan selanjutnya bersetuju

untuk menanggunggrugi **UNIVERSITI** terhadap segala liabiliti-liabiliti kerugian kehilangan kos perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh **UNIVERSITI** disebabkan kemungkiran **PEGAWAI** dalam Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.

**MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIPERSAKSIKAN seperti berikut:**

## **FASAL 1**

### **SYARAT-SYARAT**

1.1 **PEGAWAI**, dengan kelulusan dan persetujuan **PENJAMIN-PENJAMIN** dengan ini bersetuju :-

- a. bahawa, dia akan memasuki dan dengan sesungguhnya mempelajari meneruskan dan menamatkan sepenuhnya kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dan menduduki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan di bawah kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Perjanjian ini dan bahawa dia akan menyempurnakan kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dalam masa yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Perjanjian ini atau dalam sesuatu masa yang lebih lama lagi sebagaimana yang diluluskan oleh **UNIVERSITI**;
- b. bahawa, pada sepanjang kursus latihan itu, dia tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa jua kegiatan sama ada secara langsung yang bercanggah dengan mana-mana undang-undang negara tempat ia mengikuti kursus latihan dan kursus berkaitan atau tidak langsung yang difikirkan oleh **UNIVERSITI** tidak berfaedah kepada **PEGAWAI**, **UNIVERSITI** atau negara dan akan berhenti daripada mengambil bahagian selanjutnya dalam kegiatan itu, jika dikehendaki berbuat demikian;
- c. bahawa, jika dia telah menyempurnakan kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan atau sebaliknya atas apa jua sebab terlebih dahulu diberhentikan dari meneruskan kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan oleh universiti, kolej, maktab, institusi-institusi, jika berada di luar negara dengan serta-merta kembali ke Malaysia dan ke **UNIVERSITI** dan sekiranya berada di dalam negara, dengan serta-merta kembali ke **UNIVERSITI** apabila diarahkan berbuat demikian oleh **UNIVERSITI** atau wakil-wakil sah **UNIVERSITI**;

- d. bahawa, dia akan memasuki memperelajari meneruskan kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan di universiti, kolej, maktab, institusi-institusi di suatu atau di beberapa tempat sama ada di Malaysia atau di mana-mana negara lain sebagaimana yang diarahkan oleh **UNIVERSITI** dari masa ke semasa;
- e. bahawa, semasa menjalani tempoh kursus latihan dan kursus-kursus berkaitan, dia adalah tertakluk kepada dan akan mematuhi arahan-arahan peraturan-peraturan tatatertib sebagaimana yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej, maktab, institusi-institusi di mana kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dijalankan;
- f. bahawa, dia hendaklah melaporkan kepada **UNIVERSITI** dengan segera iaitu sebaik sahaja laporan kemajuan dan semua keputusan ujian peperiksaan penggal semester tahunan atau akhir kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan yang dimasukinya diisytiharkan oleh universiti, kolej, maktab, institusi-institusi;
- g. bahawa, pada sepanjang tempoh kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan, ia tidak akan melakukan perbuatan salah laku dalam apa cara jua pun yang pada pendapat **UNIVERSITI** mungkin akan menjatuhkan nama baik **UNIVERSITI** dan atau nama baik negara;
- h. bahawa, dia adalah tertakluk kepada dan akan mematuhi peraturan-peraturan tatatertib dan arahan-arahan sebagaimana yang dikeluarkan oleh **UNIVERSITI** dari semasa ke semasa.

## FASAL 2

### TEMPOH PERKHIDMATAN PERJANJIAN INI

- 2.1 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa **PEGAWAI** sekiranya berjawatan tetap hendaklah berkhidmat dengan **UNIVERSITI** mulai dari tarikh melaporkan diri di **UNIVERSITI**, sama ada lulus atau tidak kursus latihan dan kursus-kursus berkaitan yang diikuti, mengikut tempoh yang ditentukan oleh **UNIVERSITI** yang dinyatakan dengan jelas dalam Jadual Kelima.

- 2.2 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa **PEGAWAI** sekiranya berjawatan sementara (tutor) hendaklah berkhidmat dengan **UNIVERSITI** mulai dari tarikh melaporkan diri di **UNIVERSITI** dan lulus kursus latihan dan kursus-kursus berkaitan yang diikuti, mengikut tempoh yang ditentukan oleh **UNIVERSITI**, yang dinyatakan dengan jelas dalam Jadual Kelima.
- 2.3 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa **PEGAWAI** (berjawatan tetap atau sementara (tutor)):
- a. sekiranya memperoleh keputusan akhir yang tidak memuaskan iaitu tidak mencapai nilai yang ditetapkan oleh **UNIVERSITI** dalam Peraturan Cuti Belajar **UNIVERSITI**, tempoh untuknya berkhidmat dengan **UNIVERSITI** hendaklah ditetapkan oleh **UNIVERSITI** mengikut Jadual Kelima.
  - b. Sekiranya universiti, kolej, maktab, institusi di mana kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan diambil tidak mengeluarkan keputusan menyebabkan status pengajiannya tidak dapat ditentukan, tempoh untuknya berkhidmat dengan **UNIVERSITI** hendaklah ditetapkan oleh **UNIVERSITI** mengikut Jadual Kelima.
- 2.4 Sekiranya **PEGAWAI** pada masa membuat Perjanjian ini adalah terikat untuk berkhidmat di bawah sebarang perjanjian atau perjanjian-perjanjian yang terdahulu dan akan atau sedang menjalani tempoh perkhidmatan di bawah perjanjian atau perjanjian-perjanjian tersebut (kemudian daripada ini disebut "**tempoh perkhidmatan terdahulu**"):
- 2.4.1 dengan **UNIVERSITI**; bagi tempoh masa kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan yang dijalani akan diambilkira sebagai menyempurnakan syarat berkhidmat di bawah tempoh perkhidmatan terdahulu dan tempoh perkhidmatan Perjanjian ini hanya akan bermula selepas tamatnya tempoh perkhidmatan terdahulu.
  - 2.4.2 dengan badan yang lain, bagi tempoh masa kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan yang dijalani tidak akan diambilkira sebagai menyempurnakan syarat berkhidmat di bawah tempoh perkhidmatan terdahulu. Tempoh perkhidmatan Perjanjian ini di bawah Fasal 2 ini hanya akan bermula selepas tamatnya perkhidmatan terdahulu.

- 2.5 Tiada apa pun di dalam Perjanjian ini memberikan hak kepada **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** untuk membuat penyelesaian atau pembayaran sebahagian dari gantirugi yang perlu di bayar secara mengambil kira jumlah baki atau tempoh perkhidmatan yang masih tinggal atau perlu dilaksanakan **MELAINKAN** mendapat persetujuan bertulis dari **UNIVERSITI**.

### FASAL 3

#### PEMBAYARAN GAJI ELAUN DAN PERBELANJAAN LAIN

- 3.1 Sebagai balasan bagi perkara-perkara yang tersebut di atas **UNIVERSITI** dengan ini bersetuju:

3.1.1 Bayaran perbelanjaan-perbelanjaan/elaun-elaun

- a. bahawa **UNIVERSITI** akan membayar atau menguruskan pembayaran gaji, elaun (jika berkenaan) dan lain-lain perbelanjaan berkaitan yang diperlukan oleh **PEGAWAI** untuk mengikuti kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan tertakluk kepada budibicara mutlak **UNIVERSITI** untuk membuat apa-apa perubahan yang difikirkan sebagai berpatutan dari semasa ke semasa terhadap kadar-kadar atau cara pembayaran atau untuk tidak menaikkan kadar-kadar pembayaran berkenaan.

3.1.2 Bayaran tambang perjalanan

- a. bahawa **UNIVERSITI** akan membayar atau menguruskan pembayaran tambang perjalanan pergi balik **PEGAWAI** untuk mengikuti kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan di luar negara mengikut kelas, kadar tambang dan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh **UNIVERSITI** sebagai berpatutan.
- b. Bahawa **UNIVERSITI** akan membayar atau menguruskan pembayaran tambang perjalanan pergi balik ke luar negara mengikut kelas, kadar tambang dan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh **UNIVERSITI** sebagai berpatutan untuk suami atau isteri **PEGAWAI** dan anak-anak tanggungannya yang berumur di bawah tiga belas (13) tahun pada masa keberangkatan sekiranya suami atau isteri dan anak-anak **PEGAWAI** ingin bersama-sama dengan **PEGAWAI** yang sedang menjalani

kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan di luar negara tertakluk kepada syarat bahawa tempoh latihan **PEGAWAI** di luar negara adalah melebihi dua belas (12) bulan dan **PEGAWAI** telah menjalani kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan terus menerus untuk satu tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan daripada tempoh latihan tersebut.

### 3.1.3 Bayaran gaji/elaun

- a. bahawa **UNIVERSITI** akan terus membayar atau menguruskan pembayaran gaji kepada **PEGAWAI** yang berjawatan tetap atau elaun tutor kepada **PEGAWAI** yang bertugas sebagai tutor mengikut gaji terakhir atau elaun tutor yang terakhir yang diterima setelah membuat potongan-potongan yang diwajibkan oleh undang-undang seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Perjanjian ini di mana bayaran gaji sedemikian dalam tempoh kursus latihan atau kursus-kursus yang berkaitan yang dijalani oleh **PEGAWAI** adalah dianggap sebagai elaun kepada **PEGAWAI**.

- 3.2 Walau apa-apa pun yang terkandung dalam Fasal 3 **UNIVERSITI** mempunyai budibicara yang mutlak untuk tidak memenuhi peruntukan Fasal tersebut tanpa liabiliti untuk memberi gantirugi dan atau pampasan kepada **PEGAWAI** dan atau suami/isteri dan atau anak-anaknya tanpa menyentuh hak-hak **UNIVERSITI** dalam Perjanjian ini sekiranya **PEGAWAI**, suami/isteri dan atau anak-anaknya menerima sebarang bantuan yang serupa dari orang dan atau badan-badan yang lain, yang dianggap oleh **UNIVERSITI** sebagai tidak perlu bagi **UNIVERSITI** untuk memberi bantuan menurut Fasal 3.

## FASAL 4

### PENJAMIN-PENJAMIN

- 4.1 Adalah dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:
- 4.1.1 bahawa **PENJAMIN-PENJAMIN** bersetuju bersesama dan berasingan untuk bertanggungjawab terhadap pelaksanaan segala terma-terma dan syarat-syarat oleh **PEGAWAI** yang terkandung dalam Perjanjian ini dan selanjutnya untuk menanggungrugi **UNIVERSITI** terhadap segala liabiliti-liabiliti kerugian kehilangan kos perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh **UNIVERSITI** berikutan kemungkiran **PEGAWAI** dalam Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.

- 4.1.2 bahawa jika pada bila-bila masa berjalan kuatkuasanya Perjanjian ini salah seorang atau kedua-dua orang penjamin itu meninggal dunia atau tidak lagi bermastautin di Malaysia atau tinggal di luar Malaysia untuk satu tempoh lebih dari dua belas (12) bulan berterusan atau dihukum bankrap atau memasuki komposisi atau skim perkiraan dengan pemiutang-pemiutang menerima perintah pentadbiran pemakan gaji (kemudian daripada ini disebut '**PENJAMIN/PENJAMIN-PENJAMIN TERDAHULU**') **PEGAWAI** atau seorang daripada **PENJAMIN-PENJAMIN** yang masih ada hendaklah dalam masa yang munasabah mendapatkan seorang atau orang-orang, mengikut mana yang berkenaan, yang sedia dan bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian ini selaku **PENJAMIN** atau **PENJAMIN-PENJAMIN** kepada **PEGAWAI** dan orang atau orang-orang tersebut disetujuterima oleh **UNIVERSITI** sebagai pengganti (kemudian daripada ini disebut "**PENJAMIN/PENJAMIN-PENJAMIN YANG DICADANGKAN**")
- 4.1.3 jika **PEGAWAI** dan atau **PENJAMIN** yang masih ada enggan dan atau gagal dalam masa yang munasabah untuk mendapatkan orang atau orang-orang, mengikut mana yang berkenaan, untuk menggantikan **PENJAMIN/PENJAMIN-PENJAMIN TERDAHULU**; atau
- 4.1.4 jika **PENJAMIN/PENJAMIN-PENJAMIN YANG DICADANGKAN** tidak sedia dan atau tidak bersetuju untuk terikat dengan keseluruhan Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya,

maka **UNIVERSITI** boleh pada bila-bila masa selepas itu membatalkan Perjanjian ini tanpa sebarang liabiliti dan tanpa memberi gantirugi atau pampasan kepada **PEGAWAI** atau mana-mana pihak ketiga dan **PEGAWAI** tidak lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa gaji, elaun-elaun dan perbelanjaan-perbelanjaan kos di bawah Perjanjian ini melainkan **UNIVERSITI** hendaklah membayar atau mengatur pembayaran tambang perjalanan balik **PEGAWAI** suami/isteri dan anak-anak yang berada di luar negara pada kadar tambang, kelas dan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh **UNIVERSITI** sebagai berpatutan dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal 3 pada Perjanjian ini.

**FASAL 5****PENAMATAN PERJANJIAN OLEH UNIVERSITI**

- 5.1 Walau apa-apa pun yang terkandung dalam Fasal-Fasal sebelum ini, adalah dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bahawa **UNIVERSITI** mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa di mana penamatan sedemikian adalah muktamad dan **UNIVERSITI** turut berhak dengan serta merta berhenti dari membayar atau menguruskan pembayaran gaji, elaun-elaun dan perbelanjaan-perbelanjaan lain kepada **PEGAWAI** ataupun mana-mana pihak ketiga dan tanpa menyentuh hak-hak **UNIVERSITI** yang lain di bawah Perjanjian ini selepas memberi notis bertulis atau satu atau lebih alasan di bawah ini:
- 5.1.1 **PEGAWAI** melakukan pelanggaran apa-apa syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini; atau
- 5.1.2 **PEGAWAI** enggan atau dengan salahlakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai untuk meneruskan kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan, atau
- 5.1.3 **PEGAWAI** melakukan pelanggaran keseluruhan atau mana-mana bahagian Fasal 1 Perjanjian ini; atau
- 5.1.4 **PEGAWAI** melakukan suatu perbuatan kemuffisan atau dihukum menjadi seorang bankrap atau memasuki komposisi atau skim perkiraan pemiutang-pemiutangnya; atau
- 5.1.5 **PEGAWAI** telah melakukan ataupun dalam perbuatan jenayah, salahlaku dalam apa cara jua atau terlibat dalam apa-apa kegiatan yang pada pendapat **UNIVERSITI** akan menjatuhkan nama baik **UNIVERSITI** atau negara dan atau tidak selaras dengan kepentingan-kepentingan **UNIVERSITI** dan atau negara; atau
- 5.1.6 **PEGAWAI** didapati terlibat dengan penagihan dadah dan atau terlibat dengan apa-apa aktiviti dengan penyalahgunaan dadah; atau
- 5.1.7 **PEGAWAI** meninggalkan kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan tanpa menyempurnakan tempoh yang disyarat dan ditetapkan dalam Surat Kelulusan

Cuti Belajar dalam Jadual Kedua Perjanjian ini dan atau menukarkan kursus latihan atau kursus-kursus yang berkaitan atau tempat pengajian kursus latihan atau kursus-kursus yang berkaitan tanpa persetujuan terdahulu **UNIVERSITI**; atau

- 5.1.8 **PEGAWAI** menyebabkan Perjanjian ini ditamatkan menurut Fasal 4 Perjanjian ini; atau
- 5.1.9 **PEGAWAI** diberhentikan dari meneruskan kursus latihan atau kursus-kursus yang berkaitan oleh pihak berkuasa universiti, kolej, maktab, institusi-institusi; atau
- 5.1.10 **PEGAWAI** diberhentikan daripada perkhidmatan dengan **UNIVERSITI** atas sebab-sebab salah laku kecuai lalai dalam kewajipan-kewajipannya semasa berkhidmat dalam tempoh perkhidmatan Perjanjian ini; atau
- 5.1.11 **PEGAWAI** berhenti atau meninggalkan atau meletak jawatannya sebelum habisnya tempoh perkhidmatan Perjanjian ini mengikut mana-mana yang berkenaan seperti di bawah Fasal 2 Perjanjian ini; atau
- 5.1.12 **PEGAWAI** enggan atau dengan salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai untuk berkhidmat dengan **UNIVERSITI** dalam tempoh perkhidmatan Perjanjian ini mengikut mana-mana yang berkenaan seperti di bawah Fasal 2 Perjanjian ini.
- 5.2 Walau apa-apa pun yang terkandung dalam Fasal-fasal sebelum ini yang berlawanan, adalah dipersetujui dan diakui oleh pegawai dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bahawa **UNIVERSITI** mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab penamatan di mana penamatan sedemikian adalah muktamad selepas memberi notis bertulis kepada **PEGAWAI** dan **UNIVERSITI** turut berhak dengan serta merta berhenti dari membayar atau menguruskan pembayaran gaji elaun-elaun perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Fasal 3 Perjanjian ini kepada **PEGAWAI** tanpa liabiliti untuk memberi gantirugi pampasan kepada **PEGAWAI** ataupun mana-mana pihak ketiga dan tanpa menyentuh hak-hak **UNIVERSITI** yang lain di bawah Perjanjian ini melainkan **UNIVERSITI** hendaklah membayar atau mengatur pembayaran tambang perjalanan balik **PEGAWAI** suami/isteri dan anak-anak yang berada di luar negara pada kadar tambang kelas, dan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh **UNIVERSITI** sebagai berpatutan dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal 3 Perjanjian ini.

**FASAL 6****MEMBAYAR GANTIRUGI**

- 6.1 walau apa pun yang terkandung dalam Fasal-Fasal sebelum ini, sekiranya Perjanjian ini ditamatkan di bawah Fasal 4 atau Fasal 5 atau **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** melanggar mana-mana terma pada Perjanjian ini, **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** hendaklah bersesama dan masing-masing bertanggungjawab membayar balik kepada **UNIVERSITI** apabila diberi notis bertulis untuk membuat pembayaran, sejumlah wang mengikut mana-mana yang berkenaan sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual keempat Perjanjian ini.
- 6.2 Sekiranya **PEGAWAI** dan penjamin gagal membuat pembayaran balik dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tersebut maka pihak **UNIVERSITI** berhak untuk mengambil tindakan undang-undang bagi menyelesaikan jumlah tuntutan tersebut termasuk segala kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh **UNIVERSITI** (termasuk yuran peguam **UNIVERSITI** dan kos-kos di atas penguamcara dan klien selain dari kos di atas dasar pihak dan pihak).

**FASAL 7****INDEMNITI**

- 7.1 Walau apa-apa pun yang terkandung dalam Fasal-Fasal sebelum ini, adalah dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bahawa **UNIVERSITI** akan ditanggungrugikan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, kerugian, kos, liabiliti-liabiliti dan perbelanjaan (termasuk dan bukannya terhadap kepada kos bayaran peguam **UNIVERSITI** di mana mengikut dasar peguam dan anakguam) yang berbangkit atau berkaitan dari kemungkiran keseluruhan atau mana-mana bahagian Perjanjian ini.

**FASAL 8****NOTIS-NOTIS**

- 8.1 Apa-apa pun notis tuntutan atau permintaan termasuk tindakan prosiding mahkamah yang perlu dihantarserah oleh mana-mana pihak dalam Perjanjian ini kepada pihak yang satu lagi mestilah dibuat secara bertulis dan adalah dianggap sebagai telah dihantarserah dengan sepenuhnya:

8.1.1 jika ia diberi oleh satu pihak atau oleh peguamnya melalui Surat Berdaftar Biasa yang dialamatkan kepada pihak yang perlu dihantarserah itu pada alamat seperti yang disebut di dalam Perjanjian ini atau alamat terakhir diketahui dan serahan sedemikian adalah dianggap telah diterima dalam masa tiga (3) hari dari tarikh selepas Surat Berdaftar diposkan: atau

8.1.2 jika ia diserahkan oleh pihak itu atau oleh peguamnya dan diserahkan secara tangan kepada pihak yang satu lagi atau kepada peguamnya.

## FASAL 9

### JADUAL-JADUAL

9.1 Jadual-jadual selepas ini hendaklah dibaca, ditafsirkan dan diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.

## FASAL 10

### MASA

10.1 Masa adalah parti dalam kontrak ini di dalam hubungan dengan semua peruntukan Perjanjian ini.

## FASAL 11

### PENGGANTI-PENGGANTI HAKMILIK

11.1 Perjanjian ini hendaklah mengikut waris-waris peribadi pengganti dalam hakmilik **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** dan pengganti-pengganti dalam hakmilik dan penerima penyerahhak **UNIVERSITI**.

## FASAL 12

### PENAFSIRAN

12.1 Dalam Perjanjian ini di mana penggunaanya bersesuaian:

12.1.1 Perkataan-perkataan yang dalam bentuk tunggal termasuklah juga yang majmuk dan sebaliknya.

**FASAL 13**  
**PERUNTUKAN**

- 13.1 Sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian ini adalah atau menjadi tak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa segi sekalipun di bawah apa jua undang-undang keesahan (validity), sah di segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.

PADA MENYAKSIKAN HAL-HAL TERSEBUT DI ATAS maka pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan mereka pada haribulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani oleh

..... }  
Nama **PEGAWAI** }  
..... }  
Tandatangan **PEGAWAI**

Dihadapan

Nama Saksi ..... }  
ALAMAT ..... }  
..... }  
..... }  
Jawatan ..... }  
No. Kad Pengenalan ..... }  
..... }  
Tandatangan Saksi

Ditandatangani oleh

..... }  
..... }  
Nama **PEGAWAI UNIVERSITI** yang diberi }  
kuasa }  
..... }  
Tandatangan **PEGAWAI UNIVERSITI** }  
yang diberi kuasa

Dihadapan

Nama Saksi ..... }  
Alamat ..... }  
..... }  
..... }  
Jawatan ..... }  
No. Kad Pengenalan ..... }  
..... }  
Tandatangan Saksi

Ditandatangani oleh

.....  
Nama **PENJAMIN 1** }

.....  
Tandatangan **PENJAMIN 1**

Dihadapan

Nama Saksi ..... }  
ALAMAT ..... }  
..... }  
..... }  
Jawatan ..... }  
No. Kad Pengenalan ..... }  
Alamat Tetap ..... }  
..... }  
..... }

.....  
Tandatangan Saksi

Ditandatangani oleh

..... }  
Nama **PENJAMIN II** }

.....  
Tandatangan **PENJAMIN II**

Dihadapan

Nama Saksi ..... }  
Alamat ..... }  
..... }  
..... }  
Jawatan ..... }  
No. Kad Pengenalan ..... }  
Alamat Tetap ..... }  
..... }  
..... }

.....  
Tandatangan Saksi

UNTUK DIISI OLEH CALON

**JADUAL PERTAMA  
(PARA A)**

Surat Kelulusan Cuti Belajar

No. Rujukan ..... bertarikh .....

**LAMPIRKAN SURAT**

**KELULUSAN CUTI BELAJAR**

**JADUAL KEDUA  
(PARA B)**

Ini adalah **Jadual** yang disebut dalam Perjanjian yang dibuat pada .....  
**DIANTARA** ..... No. Kad Pengenalan .....  
Yang beralamat di .....  
.....  
(kemudian daripada ini disebut "**PEGAWAI**") sebagai pihak pertama.

DENGAN **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA** (kemudian daripada ini disebut "**UNIVERSITI**")  
sebagai pihak kedua.

**DAN**

..... No. Kad Pengenalan .....  
Yang beralamat di .....  
.....  
(Penjamin I) dan ..... No. Kad Pengenalan .....  
Yang beralamat di .....  
.....  
(Penjamin II) (kemudian daripada ini disebut "**PENJAMIN-PENJAMIN**") sebagai pihak ketiga.

1. Nama kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan

.....  
.....  
.....  
.....

2. Alamat universiti, kolej, maktab, institusi-institusi kursus latihan dan kursus-kursus yang berkaitan yang diambil (mana-mana yang berkenaan)

.....  
.....  
.....

3. Tempoh kursus dan latihan dan kursus-kursus yang berkaitan (mana yang berkenaan)

.....  
.....  
.....

**JADUAL KETIGA  
(FASAL 3)**

✦ Butir-butir gaji **PEGAWAI**/elaun tutor terakhir yang diterima (semasa memulakan cuti belajar).

- |      |                            |   |
|------|----------------------------|---|
| i.   | GAJI POKOK                 | : |
| ii.  | IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM | : |
| iii. | IMBUHAN TETAP PERUMAHAN    | : |

UNTUK DIISI OLEH FAKULTI

✦✦ Lain-lain Perbelanjaan yang berkaitan :

UNTUK DIISI OLEH UNIVERSITI  
KOSONGKAN RUANGAN INI

**JADUAL KEEMPAT**  
**(FASAL 6)**

Jumlah Gantirugi Yang Dipersetujui Akan Dibayar Balik mengikut jumlah mana yang lebih banyak ialah:

✦ Bagi tempoh kursus latihan yang ditetapkan dalam Surat Kelulusan Cuti Belajar dalam Jadual Kedua **PEGAWAI DAN PENJAMIN-PENJAMIN** bersesama dan berasingan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada **UNIVERSITI** apabila diminta, jumlah sebanyak Ringgit Malaysia .....

(RM.....)

Atau

✦ Bagi tempoh kursus latihan yang tempohnya adalah tidak melebihi daripada ..... **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bersesama dan berasingan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada **UNIVERSITI**, apabila diminta jumlah sebanyak Ringgit Malaysia ..... (RM .....

Atau

Kesemua wang, elaun-elaun, perbelanjaan-perbelanjaan atau selainnya yang telah dibelanjakan dan atau dibayar kepada **PEGAWAI** atau pihaknya dan atau segala kos, yuran, tambang dan lain-lain yang ditanggung oleh **UNIVERSITI** bersangkutan dengan dan atau di bawah Perjanjian ini, (mengikut mana yang lebih banyak).

**JADUAL KELIMA**  
**TEMPOH IKATAN PERJANJIAN DAN JUMLAH GANTIRUGI PROGRAM CUTI BELAJAR STAF**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

	TEMPOH IKATAN PERJANJIAN (TAHUN)		JUMLAH GANTI RUGI (RINGGIT)	
	KURSUS BUKAN PROFESIONAL	KURSUS* PROFESIONAL	DALAM NEGERI	LUAR NEGERI
<b>PEGAWAI</b>				
A. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa				
a. Sijil/Ijazah Lanjutan				
i. Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun **	2	3	RM20,000.00	RM40,000.00
ii. Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	4	5	RM50,000.00	RM100,000.00
iii. Tempoh pengajian lebih 2 tahun hingga 3 tahun	5	6	RM60,000.00	RM120,000.00
iv. Tempoh pengajian lebih 3 tahun	6	7	RM80,000.00	RM160,000.00
B. Cuti Belajar Lain-Lain Kategori ***				
a. Diploma/Ijazah Pertama	4	6	RM53,000.00	RM100,000.00
i. Tempoh pengajian 4 tahun atau kurang	5	7	RM65,000.00	RM130,000.00
ii. Tempoh pengajian lebih daripada 4 tahun				
b. Diploma/Ijazah Lanjutan ****	1	2	RM10,000.00	RM20,000.00
i. Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun	2	3	RM25,000.00	RM50,000.00
ii. Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	3	4	RM30,000.00	RM60,000.00
iii. Tempoh pengajian lebih 2 tahun hingga 3 tahun	4	5	RM40,000.00	RM80,000.00
v. Tempoh pengajian lebih 3 tahun				

\* Kursus Profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakaunan (UK & Australia) dan Undang-undang seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

\*\* Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatan perjanjian dan gantirugi

\*\*\* Meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dengan Biasiswa, CBSG tanpa Biasiswa dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) dengan Biasiswa.

\*\*\*\* Meliputi Kursus Diploma Lepas Ijazah, Sarjana, Ph.D dan Kepakaran

**PERJANJIAN  
CUTI BELAJAR /  
MELANJUTKAN PELAJARAN**